

25/03/1999

PM tidak buat rumah terbuka

ALOR STAR, Rabu - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tidak akan mengadakan rumah terbuka sempena Aidiladha tahun ini seperti tahun sebelumnya kerana menunaikan fardu haji.

Wakil Peribadi Perdana Menteri, Tan Sri Osman Aroff hari ini berkata, Dr Mahathir akan berlepas ke Makkah malam ini untuk menunaikan rukun Islam kelima itu.

Ahad ini umat Islam negara ini menyambut Aidiladha dan kebiasaan beribu-ribu rakyat pelbagai kaum mengunjungi rumah terbuka Perdana Menteri.

Osman berkata, Perdana Menteri mewakili beliau bagi menyerahkan empat lembu korban untuk diagihkan di kawasan Jitra, Tunjang, Titi Gajah dan Pendang.

Menurutnya, Dr Mahathir mengucapkan selamat Hari Raya Korban kepada semua penduduk kawasan Parlimen Kubang Pasu dan seluruh negara.

(END)